



## PERATURAN AM KEJOHANAN SUKAN ANTARA FAKULTI (SUKFAC)

### 1. NAMA KEJOHANAN

**1.1** Kejohanan ini dinamakan Kejohanan Sukan Antara Fakulti (SUKFAC) UMPSA 2023 (*kemaskini 03 Oktober 2023*). Kejohanan ini akan mempertandingkan 13 acara sukan seperti berikut;

- 1.1.1** : Badminton Campuran
- 1.1.2** : Bola Tampar (Lelaki dan Wanita)
- 1.1.3** : Boling Padang Berpasukan (Lelaki dan Wanita)
- 1.1.4** : Ping Pong Campuran
- 1.1.5** : Bola Keranjang (Lelaki dan Wanita)
- 1.1.6** : Bola Baling (Lelaki dan Wanita)
- 1.1.7** : Petanque Berpasukan (Lelaki dan Wanita)
- 1.1.8** : Futsal (Lelaki dan Wanita)
- 1.1.9** : Tenpin Boling Berpasukan (Lelaki dan Wanita)
- 1.1.10** : Catur Berpasukan (Lelaki & Wanita)
- 1.1.11** : Bola Jaring
- 1.1.12** : Sepak Takraw (Lelaki & Wanita)
- 1.1.13** : Aerodance (Berpasukan Campuran)

### 2. PENGELOLA

**2.1** Kejohanan ini akan dikelolakan oleh Satu Jawatankuasa Pengelola yang ditubuhkan oleh Pusat Sukan, Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah dibawah Bahagian Penggalakan Sukan dengan kerjasama Majlis Sukan Pelajar (MSP).

**2.2** Adalah menjadi tanggungjawab jawatankuasa pengelola menerangkan secara lengkap dan jelas peraturan pertandingan kepada peserta, pengurus pasukan, pengurus kontingen serta orang perseorangan yang terlibat dalam pengelolaan kejohanan ini.

### 3. UNDANG-UNDANG DAN PERMAINAN

**3.1** Pertandingan dalam kejohanan ini akan dijalankan mengikut undang-undang permainan Antarabangsa dan Kebangsaan yang sedang dikuatkuasakan dan akan digunakan sekiranya ada peraturan khas lain yang menguasai Kejohanan Sukan Antara Fakulti (SUKFAC)

#### **4. KELAYAKAN & PENYERTAAN ATLIT**

##### **Pelajar (Atlit)**

- 4.1** Pelajar dari semua fakulti yang berdaftar di Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) dan sedang belajar secara sepenuh masa di UMPSA tanpa mengira jurusan dan tahap akademik yang diambil sahaja layak menyertai kejohanan ini.
- 4.2** Pelajar yang berdaftar di UMPSA yang sedang mengikuti latihan industri/ latihan amali juga layak menyertai kejohanan ini.
- 4.3** Pelajar yang mengambil kursus secara separuh masa ataupun kursus-kursus pendek anjuran UMPSA adalah **TIDAK LAYAK** untuk menyertainya.

#### **5. PENDAFTARAN**

##### **5.1 Pendaftaran Pasukan**

- 5.1.1** Semua pasukan hendaklah mendaftarkan pasukan masing-masing dalam Borang Pendaftaran Pasukan yang telah disediakan oleh pengajur dan hendaklah diserahkan pada tarikh yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa Pengelola kelak.

##### **5.2 Bilangan Peserta**

- 5.2.1** Bilangan peserta setiap kontingen mengikut acara adalah seperti berikut;

BIL	ACARA	PESERTA LELAKI	PESERTA WANITA	JUMLAH
1.	Badminton	4	4	8
2.	Bola Tampar	12	12	24
3.	Boling Padang	7	7	14
4.	Ping Pong	4	4	8
5.	Bola Keranjang	12	12	24
6.	Bola Baling	14	14	28
7.	Petanque	6	6	12
8.	Futsal	12	12	24
9.	Tenping Boling	4	4	8
10.	Catur	4	4	8
11.	Bola Jaring	-	12	12
12.	Sepak Takraw	4	4	8
13.	Aerodance	4	4	8
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>91</b>	<b>103</b>	<b>194</b>

### 5.3 Borang-borang Pertandingan

- 5.3.1 Semua kontingen perlu mengesahkan penyertaan masing-masing dengan menggunakan **Borang Pengesahan Penyertaan** dan perlu dihantar kepada Jawatanankuasa Pengelola pada tarikh yang akan ditetapkan kelak.
- 5.3.2 Semua kontingen dimestikan mendaftar semua pemain pasukanya di **Borang Pendaftaran Pasukan** yang disediakan. Borang yang lengkap perlu diserahkan kepada Jawatankuasa Pengelola yang akan ditetapkan kelak.
- 5.3.3 Tarikh Tutup pendaftaran pasukan akan ditentukan oleh Jawatankuasa Pengelola. Semua borang yang lengkap dan salinannya hendaklah dibawa semasa taklimat Pengurus-Pengurus Pasukan.
- 5.3.4 **Borang Pendaftaran Perlawanan** perlu diserahkan ke Jawatankuasa Pengelola pada hari perlawanan. Hanya pemain yang didaftarkan didalam Borang Pendaftaran Pasukan sahaja yang layak menyertai pertandingan.

### 5.4 Senarai Pemain

- 5.4.1 Satu senarai pemain dan pemain simpanan (**Borang Pendaftaran Pemain**) yang akan mengambil bahagian dalam satu-satu pertandingan hendaklah diserahkan kepada Pengadil/Pegawai Teknikal/Refree Kehormat yang akan bertugas sekurang-kurangnya 15 minit sebelum perlawanan bermula.

## 6. HUKUMAN

- 6.1 Pasukan yang menarik diri setelah undian dijalankan sedangkan ia telah mengesahkan penyertaan akan dikenakan hukuman iaitu tidak dibenarkan mengambil bahagian bagi acara tersebut pada tahun berikutnya.
- 6.2 Pasukan yang didapati menggunakan khidmat pemain yang tidak layak dari segi kelayakan akan digantung selama setahun berikutnya bagi acara yang terlibat.

## 7. PENGADIL /REFREE/PEGAWAI PERUBATAN

- 7.1 Pengadil/refree akan disediakan oleh Jawatankuasa Pengelola bagi setiap permainan sepanjang kejohanan berlangsung.

## **8. PAKAIAN & PERALATAN**

**8.1** Tiap-tiap pasukan hendaklah memakai pakaian yang mematuhi Peraturan Pakaian jenis permainan berkenaan.

**8.1.1** Pakaian yang bersesuaian serta jersi baju bernombor bagi permainan mengikut Peraturan Permainan setiap sukan yang telah ditetapkan.

**8.1.2** Kesemua peralatan pertandingan seperti bola dan sebagainya akan disediakan atau ditetapkan oleh Jawatankuasa Pengelola dan akan dimaklumkan kepada peserta.

## **9. SISTEM PERTANDINGAN**

**9.1** Setiap acara sukan hanya akan dipertandingkan apabila disertai oleh sekurang-kurangnya 4 pasukan atau berdasarkan jumlah penyertaan.

**9.2** Sistem pertandingan akan dijalankan secara liga atau kalah mati tertakluk kepada penyertaan seperti berikut:

### **9.2.1 CARA SATU KUMPULAN**

Sekiranya hanya 4 atau 5 pasukan mengambil bahagian, pertandingan secara LIGA satu kumpulan akan dijalankan. Johan dan Naib Johan ditentukan di dalam pertandingan mengikut ‘rangking’ pasukan teratas.

**9.2.2**Format bagi sistem liga kumpulan adalah seperti berikut :

<b>JUMLAH PASUKAN</b>	<b>JUMLAH PASUKAN DALAM KUMPULAN</b>	
	<b>KUMPULAN</b>	<b>FORMAT</b>
5	Liga 1 Kumpulan	Liga
6	2	3,3
7	2	3,4
8	2	4,4
9	3	3,3,3
10	3	3,3,4
11	3	3,4,4
12	4	3,3,3,3
13	4	3,3,3,4
14	4	3,3,4,4
15	5	3,3,3,3,3
16	5	3,3,3,3,4
17	5	3,3,3,4,4
18	6	3,3,3,3,3,3
19	6	3,3,3,3,3,4
20	6	3,3,3,3,4,4
21	7	3,3,3,3,3,3,3
22	7	3,3,3,3,3,3,4
23	7	3,3,3,3,3,4,4
24 dan seterusnya	8 dan seterusnya	3,3,3,3,3,3,3,3

**9.2.2.1** Pasukan johan dan naib johan setiap kumpulan akan layak ke pusingan seterusnya.

**9.2.2.2** Pusingan kedua mengikut undian yang akan dijalankan.

**9.2.2.3** Undian dan Jadual Pertandingan

Undian akan dijalankan oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan SUKFAC dan susunan jadual pertandingan akan dibuat mengikut format yang ditetapkan.

**9.2.2.4**Pemberian Mata

Menang	-	3
Seri	-	1
Kalah	-	0

Atau mengikut syarat pemberian mata peraturan permainan yang mempunyai system pemberian mata sendiri.

## 10. KELEWATAN

- 10.1 Semua perlawanan akan dijalankan mengikut masa dan jadual yang telah ditetapkan. Tambahan masa tidak melebihi 5 minit boleh dipertimbangkan atas budi bicara pengadil dan Pegawai Teknikal.
- 10.2 Sebarang kelewatan atau permasalahan gagal menghadirkan diri bagi pertandingan hendaklah dilaporkan segera kepada pihak Pengelola/ Urusetia.

## 11. MENARIK DIRI ATAU MENYERAH KALAH

- 11.1 Sekiranya sesuatu pasukan menarik diri atau memberi kemenangan percuma sengaja, semua keputusan yang telah berlangsung oleh pasukan tersebut akan dibatalkan dan pasukan berkenaan tidak dibenarkan bertanding perlawanan seterusnya.
- 11.2 Setiap pasukan mestilah menghabiskan setiap perlawanan dan tidak boleh sengaja memberikan kemenangan percuma kepada pihak lawan untuk perlawanan yang akan datang atau sedang berlangsung. Setiap pasukan dikehendaki meneruskan perlawanan walaupun telah layak ke peringkat seterusnya.

## 12. BANTAHAN

- 12.1 Semua pasukan boleh membuat bantahan. Hanya pengurus sahaja dibenarkan membuat bantahan. Bantahan hendaklah dibuat secara **Surat Rasmi** dalam **Bahasa Malaysia** dan disertakan dengan wang cagaran sebanyak **RM200.00** (Ringgit Malaysia Dua Ratus).
- 12.2 Wang cagaran **TIDAK DIKEMBALIKAN** jika bantahan yang dikemukakan ditolak.
- 12.3 Bantahan yang ingin dikemukakan hendaklah dihantar kepada Pengerusi Jawatankuasa Kecil Teknikal dan Pertandingan atau wakilnya.

## 13. HADIAH

- 13.1 Hadiah-hadiah kejohanan akan disediakan oleh Jawatankuasa Pengelola untuk pemenang-pemenang **Pertama (Johan)**, **Kedua (Naib Johan)** dan **Tempat Ketiga** untuk semua acara yang dipertandingkan berupa medal kejohanan kepada pemain dan yang **BERDAFTAR SAHAJA**.
- 13.2 Upacara Penyampaian Hadiah akan diadakan pada sejurus selepas perlawanan Akhir tamat.

## 14. PIALA PUSINGAN

- 14.1 Pasukan yang menang adalah dipertanggungjawab di atas penjagaan piala pusingan. Pasukan yang menang adalah bertanggungjawab untuk memulangkan dan menyerahkan piala pusingan dalam keadaan baik sebelum kejohanan pada tahun berikutnya dimulakan.
- 14.2 Sekiranya piala pusingan didapati rosak atau hilang semasa dalam simpanan pasukan yang menang, pasukan berkenaan hendaklah membaiki atau menggantikannya dengan yang baru.

## 15. JAWATANKUASA TATATERTIB DAN BANTAHAN

- 15.1 Sebarang perkara yang melibatkan kesalahan tatatertib akan dirujuk kepada Jawatankuasa Tatatertib di bawah Kejohanan Sukfac.
- 15.2 Jawatankuasa Tatatertib terdiri daripada lima (5) orang yang terdiri :
  - 15.2.1 Pengerusi Jawankuasa Teknikal dan Pertandingan selaku Pengerusi.
  - 15.2.2 Setiausaha Jawankuasa Pertandingan selaku Setiausaha.
  - 15.2.3 Ketua Pengadil atau wakil permainan yang berkenaan dan tidak terlibat dengan perlawanan tersebut.
  - 15.2.4 Tidak kurang dari dua (2) orang pengurus pasukan permainan yang berkenaan dan tidak terlibat dengan bantahan.

## 16. KECEDERAAN

- 16.1 Pihak Jawatankuasa Pengelola kejohanan tidak akan bertanggungjawab sekiranya terdapat sebarang kecederaan sebelum, semasa atau selepas pertandingan dijalankan.
- 16.2 Walaubagaimanapun, Jawatankuasa Pengelola akan mendapatkan khidmat Pusat Kesihatan Universiti bagi membantu menangani kes-kes kecederaan sepanjang pertandingan berlangsung.

## 17. PERCANGGAHAN

- 17.1 Jika terdapat apa-apa percanggahan di antara peraturan pertandingan dan Peraturan Am, Peraturan Am ini hendaklah diguna pakai. Sebarang pindaan, tambahan atau perubahan yang telah ditetapkan **TIDAK DIBENARKAN** semasa mesyuarat pengurus pasukan kelak. Walaubagaimanapun, jika terdapat perkara-perkara yang tidak dinyatakan di dalam Peraturan Am ini, ianya hendaklah diputuskan oleh Jawatankuasa Pengelola. Keputusan Jawatankuasa adalah **MUKTAMAD**.